

HUBUNGAN FAKTOR SIKAP, PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU DISIPLIN DI SJKC ZON SENTUL

MASNAWI BIN ABDUL RAHMAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap faktor sikap, pengetahuan dan kemahiran guru disiplin di SJKC Zon Sentul, Kuala Lumpur. Kajian ini juga menentukan hubungan sama ada terdapat perbezaan signifikan terhadap faktor demografi yang terpilih. Kajian ini juga bertujuan untuk meneliti hubungan korelasi antara ketiga-tiga pembolehubah tersebut. Kaedah kuantitatif berbentuk korelasi digunakan di dalam kajian ini, yang mana instrumen soalan selidik telah digunakan untuk mengumpul data. Sampel kajian ini ialah 241 orang guru disiplin dari 14 buah SJKC daerah Sentul. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi seperti min, sisihan piawai, ujian t, Anova dan korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan (a) nilai min bagi ketiga-tiga pembolehubah adalah sederhana (3.701), (b) Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap guru yang menghadiri dan tidak menghadiri kursus dengan nilai $p=0.002$ lebih kecil daripada 0.05. (c) Hasil ujian ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan signifikan diantara tahap pengalaman dan umur terhadap sikap $F(3, 237)=8.788, p=0.000$, tahap pengetahuan $F(3, 237)=60.449, p=0.000$ dan tahap kemahiran $F(3, 237)=46.466, p=0.000$. (d) korelasi di antara sikap ($r=0.350, p=0.000$), pengetahuan ($r=0.640, p=0.000$) dan kemahiran guru disiplin ($r=0.912, p=0.000$) adalah signifikan. Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan, faktor sikap, tahap pengetahuan dan kemahiran guru disiplin di SJKC memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap kecekapan mereka di dalam pengurusan disiplin sekolah. Implikasi kajian ini menjelaskan faktor sikap, pengetahuan dan kemahiran saling berkait rapat di dalam meningkatkan kecekapan pengurusan disiplin dalam kalangan guru-guru disiplin. Kesimpulan kajian





THE RELATIONSHIP OF ATTITUDE, KNOWLEDGE AND SKILL FACTORS OF SJKC DISCIPLINARY TEACHERS IN SENTUL ZONE

ABSTRACT

This research aims to examine the relationship of attitude, knowledge and skill factors of SJKC disciplinary teachers in Sentul Zone, Kuala Lumpur. Other than finding the level of mean for all the aspects, this research also aims to examine the existence of any difference towards some selected demographic aspects. Other than that, this research also aims to examine the correlation in the attitude, knowledge and skill aspects of the disciplinary teachers. This quantitative research implements a survey method and uses questionnaires as the instrument. A total of 241 disciplinary teachers from 14 identified SJKCs were involved in the survey. Data were analyzed by using descriptive statistical analysis and inferences such as min, standard deviation, t-test, Anova and Pearson coefficient. The findings revealed that (a) all the variables were in moderate level (3.701), (b) there's a significant difference of all variables towards the teachers whose attending and not attending courses with the value of $p=0.002$ smaller than 0.005, (c) ANOVA's result shows that there's a significant difference of disciplinary teachers' years of experience and age towards attitude $F(3,237)=8.788$, $p=0.000$, knowledge $F(3,237)=60.449$, $p=0.000$ and skill $F(3,237)=46.466$, $p=0.000$, (d) the correlation of attitude ($r=0.350$, $p=0.000$), knowledge ($r=0.640$, $p=0.000$) and skill ($r=0.912$, $p=0.000$) were significant. The conclusion made from this research is the factors of attitude, knowledge and skill among the disciplinary teachers in SJKC played important roles in determining their efficiency in disciplinary management. The implication of this study explains that the attitude, knowledge and skill factors were interrelated in enhancing teachers' disciplinary management.



KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Tujuan Kajian	13
1.5	Objektif Kajian	13
1.6	Soalan Kajian	14
1.7	Hipotesis Kajian	15
1.8	Kerangka Kajian	16
1.8.1	Kerangka Teoritikal Kajian	
1.8.1.1	Teori Perilaku/Sikap	16

1.8.1.2	Teori Kognitif	17
1.8.1.3	Teori Tingkah laku	19
1.8.2	Kerangka Konseptual Kajian	20
1.9	Kepentingan Kajian	21
1.10	Skop Dan Limitasi Kajian	22
1.11	Definisi Operasional	23
1.11.1	Pengurusan Disiplin	23
1.11.2	Disiplin	24
1.11.3	Kecekapan	25
1.11.4	Sikap	25
1.11.5	Pengetahuan	26
1.11.6	Kemahiran	26
1.11.7	Guru Disiplin	26
1.11.8	Guru Jawatankuasa Disiplin	27
1.11.9	Salah laku	27
1.11.10	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina	28
1.12	Rumusan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	30
2.2	Konsep dan Model-model Kecekapan	31
2.2.1	Model Perkembangan Guru	34
2.2.2	Model Kompetensi Iceberg	36
2.2.3	Model Penghasilan Kerja Berkesan	38

2.3	Kajian Lepas	39
2.3.1	Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Disiplin	39
2.3.2	Tahap Pengetahuan dan Sikap Guru Disiplin	42
2.3.3	Tahap Kemahiran dan Sikap Guru Disiplin	43
2.3.4	Kajian Berkaitan Kecekapan Guru Disiplin di dalam Pengurusan Disiplin	44

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	48
3.2	Reka bentuk Kajian	49
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	49
3.4	Instrumen Kajian	52
3.4.1	Bahagian Satu: Seksyen A	53
3.4.2	Bahagian Dua: Seksyen B, C dan D	54
3.5	Kebolehpercayaan dan Kajian Rintis	54
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	56
3.7	Prosedur Analisis data Kajian	56
3.8	Rumusan	58

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	60
4.2	Kajian Rintis	61
4.3	Ujian Normaliti	63
4.4	Statistik Deskriptif	64
4.4.1	Profil Responden	65
4.4.2	Mengenalpasti Sikap Guru Disiplin	69

4.4.2.1	Pengetahuan Asas Disiplin	69
4.4.2.2	Peranan Moral Guru Disiplin	71
4.4.3	Menentukan Tahap Pengetahuan Guru Disiplin Terhadap Pengurusan Disiplin	74
4.4.3.1	Prinsip-prinsip Disiplin	74
4.4.3.2	Pengetahuan Program Pemantapan Disiplin	75
4.4.4	Mengenalpasti Tahap Kemahiran Guru Disiplin	77
4.4.5	Mengkaji Tahap Kekuatan Min Bagi Sikap, Tahap Pengetahuan Dan Tahap Kemahiran Guru Disiplin	78
4.5	Statistik Inferensi	79
4.5.1	Mengkaji Perbezaan Di antara Guru-guru Disiplin Yang Menghadiri Kursus dan Tidak Menghadiri Kursus Terhadap Sikap, Tahap Pengetahuan dan Tahap Kemahiran Mereka	80
4.5.2	Mengkaji Perbezaan Faktor Pengalaman Sebagai Guru Disiplin dan Umur Terhadap Sikap, Pengetahuan dan Kemahiran Guru Disiplin	82
4.5.3	Mengkaji Korelasi Yang Signifikan di antara Sikap, Pengetahuan dan Kemahiran Guru Disiplin	88
4.6	Rumusan	89

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	91
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	92
5.2.1	Tahap Sikap Guru Disiplin	92
5.2.2	Tahap Pengetahuan Guru Disiplin	93
5.2.3	Tahap Kemahiran Guru Disiplin	94

5.2.4	Perbezaan Sikap, Pengetahuan dan Kemahiran Guru Disiplin Yang Menghadiri dan Tidak Menghadiri Kursus	94
5.2.5	Perbezaan Sikap Terhadap Faktor Umur Guru Disiplin	96
5.2.6	Perbezaan Pengetahuan Terhadap Faktor Umur Guru Disiplin	97
5.2.7	Perbezaan Kemahiran Terhadap Faktor Umur Guru Disiplin	97
5.2.8	Perbezaan Sikap Terhadap Faktor Pengalaman Menjadi Guru Disiplin	98
5.2.9	Perbezaan Pengetahuan Terhadap Faktor Pengalaman Menjadi Guru Disiplin	99
5.2.10	Perbezaan Kemahiran Terhadap Faktor Pengalaman Menjadi Guru Disiplin	100

5.3	Implikasi Dapatan Kajian	101
5.4	Cadangan	102
5.5	Penutup	103

RUJUKAN	105
----------------	-----

LAMPIRAN	112
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Populasi Kajian	51
3.2	Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Zon Sentul	51
3.3	Pilihan Kekuatan Responden	53
3.4	Dapatan Kajian Rintis	55
3.5	Interpretasi Skor Respon Bagi Soal Selidik	57
3.6	Kaedah Analisis Kajian	58
4.1	Kebolehpercayaan Terhadap Pembolehubah	63
4.2	Ujian Normaliti	64
4.3	Taburan Responden Mengikut Jenis Sekolah	65
4.4	Bilangan Responden Berdasarkan Umur	66
4.5	Bilangan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	67
4.6	Bilangan Responden Berdasarkan Pengalaman Guru Disiplin	67
4.7	Bilangan Responden Berdasarkan Jumlah Pelajar	68
4.8	Bilangan Responden Berdasarkan Kursus Pengurusan Disiplin	69
4.9	Skor Kekerapan dan Peratus Bagi Pengetahuan Asas Disiplin	71
4.10	Skor Kekerapan dan Peratus Bagi Peranan Moral Guru Disiplin	73
4.11	Skor Kekerapan dan Peratus Bagi Prinsip-Prinsip Disiplin	75
4.12	Skor Kekerapan dan Peratus Bagi Pengetahuan Program Pemantapan Disiplin	76
4.13	Skor Kekerapan dan Peratus Bagi Tahap Kemahiran Guru	78
4.14	Skor Kekerapan dan Peratus Bagi Tahap Kemahiran Guru	79

4.15	Perbezaan Skor Min Sikap, Tahap Pengetahuan dan Tahap Kehadiran Kursus	81
4.16	Perbezaan Skor Min Sikap Mengikut Perbezaan Umur	83
4.17	Perbezaan Skor Min Pengetahuan Mengikut Perbezaan Umur	84
4.18	Perbezaan Skor Min Kemahiran Mengikut Perbezaan Umur	85
4.19	Perbezaan Skor Min Sikap Mengikut Perbezaan Pengalaman Guru Disiplin	86
4.20	Perbezaan Skor Min Pengetahuan Mengikut Perbezaan Pengalaman Guru Disiplin	87
4.21	Perbezaan Skor Min Kemahiran Mengikut Perbezaan Pengalaman Guru Disiplin	88
4.22	Korelasi Antara Sikap, Pengetahuan dan Kemahiran Guru Disiplin	89
4.23	Rumusan Keputusan Pengujian Hipotesis Kajian	90



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Carta Pai Kesalahan Disiplin SK dan SJKC Bagi Tahun 2015 dan 2016	5
1.2	Kerangka Konseptual Kajian Hubungan Sikap, Pengetahuan dan Kemahiran Guru Disiplin Terhadap Beberapa Faktor Demografi	21
2.1	Model Kompetensi Iceberg	37
2.2	Model Penghasilan Kerja Yang Berkesan	39



SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPWP	Pejabat Pendidikan Wilayah Persekutuan
JPWP	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>
EFA	Analisis Faktor Penerokaan

SENARAI LAMPIRAN

- A
1. Soalan Kaji Selidik
 2. Instrumen Pemantauan Disiplin
- B
1. Surat Permohonan Menjalankan Kajian di Sekolah-sekolah Zon Sentul dibawah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
 2. Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah-sekolah Pejabat Pendidikan Wilayah dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
 3. Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian di Sekolah, Institut Pendidikan Guru, Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- C
1. Surat Permohonan untuk mendapatkan maklumat statistik disiplin pelajar Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) & Sekolah Menengah Pejabat Pendidikan Wilayah Zon Sentul 2015 dan 2016.
 2. Kelulusan mendapatkan maklumat statistik disiplin pelajar Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina & Sekolah Menengah Pejabat Pendidikan Wilayah Zon Sentul 2015 dan 2016.
 3. Permohonan Data Bilangan Guru Disiplin di PPW Sentul Tahun 2012 – 2017.
- D
1. Ujian Normaliti



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Kualiti, prestasi dan produktiviti kerja sama ada di peringkat individu, kumpulan mahupun organisasi di dalam pengurusan sumber manusia adalah terletak pada kecekapan kerja mereka. Istilah kecekapan kerja telah mula diberi perhatian serius dan persaingan antara sesama individu telah menjadi semakin sengit pada era globalisasi ini. Di negara kita, kecekapan sumber manusia telah mendapat perhatian dari pelbagai pihak dari pelbagai aspek, di mana kecekapan mampu memacu keberkesanan perkhidmatan, bukan hanya di dalam sektor awam tetapi juga di dalam sektor swasta. Badan kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengukur keberkesanan





tahap kecekapan sektor awam iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menggunakan kaedah Penilaian Tahap Kecekapan Prestasi Kerja untuk mengukur kecekapan kaki tangan awam di negara kita. Perdana menteri turut mengingatkan betapa pentingnya sektor awam untuk memberikan perkhidmatan dengan cekap, tepat dan tidak membuat kesalahan dalam sistem pencapaiannya. (Berita Harian. 22.4.2016)

Merujuk PPPM 2013-2025, pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) menekankan bahawa, untuk meningkatkan kadar kecekapan pengurusan di dalam kementerian, penstrukturan semula hendaklah dilakukan. Perkara ini telah dilakukan terhadap Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Di dalam penstrukturan semula ini, JPN dan PPD telah diberikan kuasa autonomi yang lebih besar untuk mentadbir organisasi masing-masing. Hal ini berlaku bagi memastikan JPN serta PPD mampu memberikan impak di dalam jaringan konstruktif dengan kerjasama badan-badan kerajaan yang lain termasuk agensi-agensi kerajaan dan juga pihak berkepentingan seperti ibu bapa, kumpulan komuniti dan pihak swasta.

Sehubungan dengan perkara tersebut, bagi memastikan keberkesanan proses ini, penstrukturan pengurusan turut dikembangkan ke peringkat sekolah di mana penstrukturam pengurusan di dalam semua bahagian diambil kira termasuklah di dalam pengurusan disiplin murid. Di peringkat pengurusan disiplin murid, perkara yang diambil kira adalah berkenaan kriteria pemilihan dan perlantikan guru-guru disiplin dan perkara yang digariskan adalah selaras dengan instrumen pemantauan





disiplin yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Rujuk lampiran A. Instrumen pemantauan ini digunakan ke seluruh sekolah-sekolah kerajaan termasuklah Sekolah Kebangsaan (SK) dan juga Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK). Kriteria-kriteria tersebut termasuklah:

- i) Tahap pengetahuan guru disiplin terhadap tatacara prosedur, garis panduan, konsep dan matlamat disiplin dan mampu mengendalikan program pemantapan disiplin.
- ii) Tahap kemahiran guru dalam menggunakan strategi asas pengurusan yang berkaitan dengan pengurusan disiplin.
- iii) Sikap guru terhadap bidang disiplin murid di sekolah.



1.2 Latar Belakang Kajian



Perbandingan diantara Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) merupakan di antara perkara yang sentiasa diperkatakan oleh isi masyarakat. Perbandingan-perbandingan tersebut bukan sahaja meliputi pencapaian akademik di antara kedua-dua jenis sekolah tersebut, bahkan termasuklah juga kecemerlangan disiplin murid-murid SRJKC itu sendiri. Terdapat banyak laporan media yang mempersoalkan kredibiliti kecemerlangan Sekolah Kebangsaan yang turut memberikan tanda tanya kepada masyarakat terhadap kemampuan pentadbiran sekolah-sekolah kebangsaan bukan sahaja di dalam pencapaian akademik bahkan di dalam pembentukan sahsiah pelajar-pelajarnya. (Berita Harian. 23.11.2015)





Kebanyakan ibubapa berpendapat, dengan menghantar anak-anak mereka ke SRJKC anak-anak mereka akan mendapat penekanan akademik dan kualiti disiplin yang lebih berkualiti berbanding SK. Selain itu, mereka berpendapat anak-anak mereka akan mendapat lebih penerapan nilai perpaduan dari kecil, dengan menghantar anak-anak mereka ke SRJKC mereka percaya masa depan anak-anak mereka menjadi lebih cerah apabila boleh memahami dan bertutur dalam bahasa cina. Selain itu mereka juga berpendapat tenaga pengajar di SRJKC lebih komited dibandingkan tenaga pengajar di SK kerana tenaga pengajar di SRJKC lebih mengekalkan tahap disiplin yang tinggi sekaligus membentuk kualiti yang sama terhadap pelajar-pelajarnya. (Berita Harian 07.01.2014)





Rajah 1.1. Carta Pai Kesalahan Disiplin SK dan SRJJC Bagi Tahun 2015 dan 2016.
Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2017).





Merujuk data statistik salah laku disiplin bagi sekolah-sekolah SK dan SRJKC di daerah Sentul bagi tahun 2015 hingga 2016 yang dikeluarkan oleh KPM, didapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara terhadap kekerapan kes-kes salah laku murid-murid di SK dan SRJKC di mana kes-kes salah laku disiplin di SRJKC amat kecil berbanding SK. Pada tahun 2015 sebanyak 2042 kes salah laku dicatatkan, 1439 kes adalah dari SK dan 603 kes salah laku adalah dari SRJKC. Bagi tahun 2016 pula sebanyak 1377 kes salah laku dicatatkan di mana 874 kes adalah dari SK dan 503 kes adalah dari SRJKC. Carta pai di atas telah diringkaskan dalam bentuk peratus kerana pengkaji tidak dapat menyertakan data statistik yang diperolehi secara terperinci kerana data-data tersebut adalah data yang dilindungi dan tidak boleh didedahkan kepada umum. Walaubagaimanapun pernyataan ini adalah sah dan disokong oleh KPM dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL). Rujuk lampiran C.



Hakikatnya, institusi sekolah bukan sahaja berfungsi sebagai tempat penyebaran ilmu, malahan sekolah juga berfungsi untuk membentuk anak-anak agar menjadi insan yang berdisiplin. Kesempurnaan disiplin murid mempunyai kaitan yang rapat di dalam menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Di dalam konteks pengurusan, guru-guru disiplin seharusnya arif dalam mengendalikan kes-les berkaitan disiplin selaras dengan akta pendidikan yang digariskan oleh KPM.



1.3 Pernyataan Masalah

Umum mengetahui bahawa masyarakat cenderung melabelkan secara pukal peranan guru-guru di sekolah dalam menangani salah laku disiplin yang berlaku di sekolah. Hal ini adalah kerana semua guru dikategorikan sebagai guru disiplin. Di dalam Surat pekeliling ikhtisas bil 10/2001 telah dinyatakan bahawa dalam menyelesaikan masalah disiplin di sekolah, ramai guru telah menyerahkan masalah tersebut kepada guru-guru tertentu atau menyerahkannya kepada pengetau atau guru besar walaupun masalah yang ditimbulkan adalah masalah remeh temeh. Jemaah menteri telah menyarankan supaya bilangan guru disiplin ditambah dan memberi penekanan terhadap peruntukan bahawa:

- i) Surat Pekeliling Profesional Kementerian Pelajaran Bil. 8/1968 mengenai Tatatertib Di Sekolah-sekolah pada para 5 menyatakan, '....tiap-tiap guru hendaklah dapat menyelesaikan kebanyakan dari masalah tatatertib dan perkara-perkara kecil janganlah diserahkan kepada guru besar oleh kerana ini akan menjadi perkara biasa. Hanya tatatertib yang besar akan diserahkan kepada guru-guru besar'.
- ii) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975 mengenai Disiplin Di Sekolah, peraturan-peraturan sekolah untuk murid-murid pula menyatakan, 'Adalah seperti tuan termaklum satu di antara tujuan pelajaran ialah untuk menamakan asas disiplin ke dalam hati sanubari murid-murid sekolah. Ini bukan tugas dan tanggungjawab guru besar sahaja, bahkan tugas dan tanggungjawab semua guru



lain. Oleh yang demikian semua guru hendaklah juga memahami benar-benar bahawa tiap-tiap mereka itu adalah bertanggungjawab untuk memelihara disiplin sesebuah sekolah dan janganlah hendaknya perkara-perkara kecilpun diserahkan kepada guru besar kerana perkara ini akan menjadi satu perkara yang biasa sahaja. Sepatutnya, kesalahan yang berat sahaja yang harus dilakukan kepada guru besar untuk mendapat keputusan’.

Namun yang demikian, sejauh manakah sebenarnya sikap guru, pengetahuan dan kemahiran guru yang sedia ada dilihat sebagai praktikal dan realistik? Kemampuan seseorang guru menangani masalah disiplin murid adalah berbeza. Kecekapan, kemampuan dan kebolehan adalah merujuk kepada tingkah laku seseorang. Kecekapan guru-guru terhadap pengurusan disiplin murid-murid harus dilihat secara menyeluruh. Ia bukan sekadar mengenai kebolehan guru dalam menyoal, menentukan dan mengesahkan kesalahan ataupun melaksanakan hukuman sahaja. Sebaliknya ia memerlukan pelbagai pengetahuan dan kemahiran-kemahiran lain seperti proses merekod, menilai, memantau, menemuduga ibu bapa, menyiasat, konsep keadilan, menentukan keputusan dengan tepat, merancang proses pencegahan, pemupukan nilai-nilai murni dan keyakinan diri, membentuk akhlak, mendidik pelajar supaya menghormati undang-undang dan peraturan, membina komunikasi berkesan dan sebagainya yang berkaitan dengan pembinaan luaran dan dalaman murid-murid.

Sehubungan dengan itu, pengurusan disiplin yang tidak cekap akan mewujudkan peraturan sekolah yang rigid, menafikan hak individu murid-murid, hilangnya rasa hormat dan keyakinan murid terhadap guru dan sekolah, timbulnya





konflik di antara ibu bapa, murid dan guru dan seterusnya akan mewujudkan iklim dan persekitaran sekolah yang tidak sihat dimana segala kesan negatif pelaksanaan disiplin ini bukanlah merujuk kepada maksud disiplin yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Negara. Pendapat moden terhadap disiplin murid pula merujuk kepada proses kawalan diri murid-murid sendiri yang berlangsung dari dalaman bukannya paksaan luaran. Sungguhpun begitu, pembentukan disiplin murid di sekolah adalah lebih bermakna jika dapat menerima input dari guru mereka sendiri. Peranan guru dalam membentuk nilai, mendidik, kepatuhan, kesetiaan dan akhlak murid di sekolah adalah bergantung kepada kredibiliti guru itu sendiri. Oleh kerana disiplin memberi maksud pendidikan dan kawalan maka ia haruslah dipupuk dengan teliti, cekap dan berkesan. Menurut Najihah (2014) Pengurusan disiplin yang cekap mengambil kira pelbagai faktor dari segi sumber dan proses yang mampu mewujudkan tahap disiplin yang tinggi di sekolah keseluruhannya.

Perkara yang menjadi kebimbangan warga pendidik adalah sekiranya masalah disiplin dibiarkan tanpa mengambil sebarang tindakan yang sewajarnya, kesannya kelak adalah ia akan membawa kepada imej buruk sekolah dan Kementerian Pendidikan, malahan di dalam kes-kes tertentu ia boleh memberi ancaman terhadap keselamatan awam dan negara sebagaimana menurut Shahabudin (2002), yang menerangkan bahawa isu-isu berkaitan dengan gangguan tingkah laku disiplin merupakan satu kemelut besar yang sering dikaitkan dengan pengurusan bilik darjah, persekitaran dan pentadbiran sekolah.





Pihak sekolah, pentadbir dan guru-guru sering menjadi sasaran kritikan apabila terdapatnya sesebuah kes disiplin. Terdapat juga tuduhan yang mendakwa guru besar tidak bertanggungjawab, tidak berwibawa, leka dan tidak mengambil berat dalam menangani masalah disiplin murid di sekolah. Guru besar didakwa sengaja menyembunyikan kes-kes disiplin demi menjaga reputasi sekolah masing-masing (Utusan 24.05.2007). Sekiranya tiada langkah-langkah untuk menanganinya, ia bakal mengundang konflik krisis keyakinan yang tidak berkesudahan di antara pihak sekolah dengan masyarakat.

Pada tahun 2017 negara telah dikejutkan oleh pendedahan yang dilakukan oleh KPM dimana terdapat 402 buah sekolah menengah dan rendah yang berada di dalam pemerhatian lantaran isu disiplin (Sinar Harian 25.04.2017). Walaupun jumlah yang didedahkan itu kecil berbanding jumlah kesekuruhan sekolah yang lebih kurang 10,000 buah di dalam negara, ia tetap memberikan satu gambaran yang membimbangkan kerana masalah ini boleh dianggap sebagai virus yang berkemungkinan besar boleh merebak ke sekolah-sekolah lain. Berkemungkinan juga, masalah disiplin yang berlaku di sekolah akan menjadi lebih parah sehingga sukar untuk dibendung. Timbalan Menteri Pendidikan II, turut menjelaskan dari jumlah keseluruhan sekolah di dalam pemerhatian itu, 311 buah sekolah adalah sekolah yang berdepan dengan masalah disiplin dan 91 buah lagi dikategorikan sebagai sekolah tumpuan yakni yang mempunyai kecenderungan mempunyai masalah disiplin. Menurut data statistik yang didedahkan iaitu seramai 111,895 orang pelajar adalah 16,849 murid dari sekolah rendah dan 95,046 lagi adalah dari sekolah menengah yang didapati terlibat dengan gejala salah laku disiplin di sekolah pada tahun 2016 di mana



salah laku ponteng sekolah merupakan isu utama di dalam salah laku disiplin (Utusan Online. Julai, 2017). Pada tahun 2012 pula, kes salah laku yang paling tinggi dicatatkan adalah kes-kes yang melibatkan jenayah (laporan Statistik JAN, 2013). Dalam laporan tersebut, penglibatan murid sekolah rendah mencatat peratusan paling tinggi iaitu sebanyak 20.70 peratus berbanding pelajar sekolah menengah yang mencatat 10.66 peratus. Ini melibatkan seramai 5971 orang murid yang terlibat iaitu 0.27 peratus daripada enrolmen nasional. Menurut Jaclyn Ding & Mohd Izham (2017) Peratusan yang dilaporkan tersebut adalah amat membimbangkan semua pihak kerana pelaksanaan pengurusan disiplin di peringkat sekolah rendah telah menunjukkan kepincangan yang nyata.

Pihak sekolah juga didakwa gagal untuk melaporkan maklumat sebenar tentang kes-kes salah laku di sekolah masing-masing kerana maklumat mengenai salah laku yang direkodkan selalu tidak tepat. Sebagai contoh, data-data sekolah rendah dan sekolah menengah mengikut negeri pada tahun 2001 menunjukkan bahawa hanya 2,748 buah sekolah sahaja yang memberi laporan berkenaan masalah disiplin yang mereka hadapi, berbanding jumlah sebenar sekolah iaitu 9,007 yang melaporkan tentang kes salah laku dan disiplin, Kementerian Pendidikan Malaysia (2003). Sehingga itu, data kes disiplin yang direkodkan sering menimbulkan keraguan, dan keraguan tersebut menjurus pada kredibiliti guru-guru disiplin dan ketelusan sistem pengurusan disiplin yang diguna pakai di sekolah-sekolah. Oleh yang demikian, pengurusan disiplin sekolah haruslah diuruskan dengan lebih cekap. Proses merekod, menyimpan dan mengemaskini data maklumat disiplin murid terutama di dalam Sistem Salah laku Disiplin Murid (SSDM) termasuklah mengenai



latar belakang murid yang terlibat, jenis kesalahan, punca yang mendorong murid terlibat juga memerlukan penganalisaan yang tepat.

Pendekatan penyelesaian disiplin yang subjektif memerlukan penyelarasan dari segi pemahaman prosedur, tatacara dan tindakan. Oleh itu ia memerlukan pengetahuan dan kemahiran di kalangan guru-guru disiplin dalam melaksanakan penyelesaian kes-kes disiplin secara efektif. Tatacara tindakan disiplin juga sering dijadikan bahan kontrovesi. Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia turut pernah mempersoalkan pendekatan kawalan disiplin seperti tindakan membuang pelajar yang dianggap bukanlah satu pendekatan yang terbaik, malahan menyimpang dari tujuan asal Falsafah Pendidikan. (Berita Harian September 2003).



Menurut Menteri Pendidikan, kebimbangan masyarakat terhadap masalah disiplin pelajar adalah merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh guru di dalam gelombang kedua (2016-2020) PPPM. Salah laku pelajar seperti ponteng sekolah, masalah dadah dan sebagainya perlu diberikan perhatian. Beliau turut menyatakan bahawa sekiranya masalah salah laku pelajar dapat dikurangkan ia adalah satu perkara yang cukup baik yakni masyarakat boleh melihat wujudnya di dalam kalangan pelajar itu moral yang tinggi, mempunyai kesedaran sivik dalam diri mereka, mempunyai nilai patriotik dan disiplin yang baik. Oleh yang demikian beliau turut menggesa para ibu bapa untuk turut serta di dalam aktiviti sekolah dan melibatkan pelajar dalam seni, sukan, kokurikulum dan sebagainya. (Utusan Borneo. Ogos 2017)





1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian adalah mengenal pasti hubungan hubungan faktor sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin terhadap beberapa ciri demografi yang terpilih.

1.5 Objektif Kajian

Secara khusus objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1.5.1 Mengkaji tahap kekuatan min bagi sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin.

1.5.2 Mengkaji perbezaan sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin berdasarkan faktor demografi.
(Menghadiri kursus dan tidak menghadiri kursus).

1.5.3 Mengkaji perbezaan sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin berdasarkan faktor demografi.
(Pengalaman sebagai guru disiplin dan umur)

1.5.4 Mengkaji hubungan korelasi yang signifikan di antara sikap, pengetahuan dan kemahiran guru disiplin.





1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, berikut adalah persoalan kajian yang dibina :

1. Apakah tahap kekuatan min bagi sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina daerah Sentul?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin terhadap faktor demografi (menghadiri kursus dan tidak menghadiri kursus) di sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina daerah Sentul?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin terhadap faktor demografi (pengalaman sebagai guru disiplin dan umur) di sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina daerah Sentul?
4. Adakah terdapat korelasi yang signifikan di antara sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin di sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina daerah Sentul?



1.7 Hipotesis Kajian

Ha 1: Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru yang menghadiri dan tidak menghadiri kursus.

Ha 2: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap sikap berdasarkan umur.

Ha 3: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan berdasarkan umur.

Ha 4: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kemahiran berdasarkan umur.



Ha 5: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap sikap berdasarkan pengalaman menjadi guru disiplin.

Ha 6: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan berdasarkan pengalaman menjadi guru disiplin.

Ha 7: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kemahiran berdasarkan pengalaman menjadi guru disiplin.

Ha 8: Terdapat korelasi yang signifikan di antarasikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin.





1.8 Kerangka Kajian

1.8.1 Kerangka Teoritik Kajian

Kajian ini meninjau hubungan faktor sikap, pengetahuan dan kemahiran guru-guru disiplin di dalam pengurusan disiplin sekolah. Beberapa pendekatan teori digunakan untuk menyokong teori ini. Teori-teori tersebut adalah teori kognitif yang menekankan sikap dan tingkah laku manusia, teori perilaku yang membincangkan mengenai sikap seseorang terhadap sesuatu perkara (negatif atau positif).

Teori-teori ini menyediakan rangka kerja untuk mengkaji hubungkait di antara sikap dan tingkah laku. Berdasarkan teori-teori yang sedia ada, sikap seseorang ditentukan oleh perilaku/niat seseorang. Sikap individu tersebut dinilai melalui kepercayaan terhadap tingkah laku, norma subjektif, kepercayaan normatif dan motivasi untuk mematuhi.

1.8.1.1 Teori Perilaku/ Sikap (Theory of Reasoned Action)

Sarwono (2011) menerangkan sikap merupakan istilah yang menggambarkan rasa senang(positif), tidak senang(negatif) atau perasaan yang tidak memberi apa-apa perubahan sama ada negatif ataupun positif. Ianya merupakan satu tindak balas





normal bagi setiap individu. Dalam erti kata lain, Sarwono menjelaskan bahawa sikap merupakan tindak balas individu terhadap sesuatu perkara.

Menurut Djaali (2008) pula, sikap merupakan kecenderungan individu terhadap sesuatu perkara untuk bertindak terhadap sesuatu perkara atau objek. W.J Thomas pula menerangkan sikap adalah kecenderungan individu dan tidak balas individu terhadap objek psikologi. Objek psikologi pula meliputi: simbol, kata-kata, slogan dan sebagainya.

Sarnoff (2009) juga turut menklasifikasikan sikap sebagai kesediaan untuk bereaksi, sama ada secara positif, negatif ataupun neutral. Manakala Sri Utami Rahayuningsih (2008) menerangkan bahawa sikap merupakan sebuah perasaan yang muncul sebagai respon (negatif atau positif) individu tersebut terhadap sesuatu perkara.

1.8.1.2 Teori Kognitif

Di antara teori yang berkaitan dengan pengetahuan individu adalah teori *Piaget's Theory of Cognitive and Affective Development*. Di dalam kajian Wadsworth B.J (1996), Piaget menerangkan bahawa perkembangan manusia dikawal oleh tahap penyesuaian individu tersebut terhadap sesuatu perkara. Elemen ini terdiri daripada dua proses iaitu asimilasi dan akomodasi. Proses asimilasi merupakan proses pepadanan dari segi pengetahuan baru ke dalam skema yang telah disediakan.





Manakala akomodasi pula merupakan satu proses pengubahsuaian skema buat sementara waktu atau secara tetap. Kedua-dua proses ini wujud bagi mengurangkan konflik kognitif individu, di mana ianya akan membawa kepada pembelajaran yang berguna.

Di dalam teori ini, Piaget menekankan bahawa kematangan neurologi sebagai asas utama yang mengolah perkembangan kognitif seseorang individu sebagai satu proses menyusun aktiviti mental secara progresif setelah mencapai proses kematangan dan pertambahan pengalaman. Beliau juga mengandaikan setiap individu akan mengalami proses urutan perkembangan kognitif yang sama tetapi di dalam kadar yang berbeza. Proses ini akan seterusnya merangsang kecenderungan seseorang untuk memproses maklumat secara menyeluruh dan analitikal.



Teori ini turut membincangkan bahawa, guru disiplin yang menerima maklumat secara aktif akan menstrukturkan maklumat tersebut dan mengkajinya supaya menjadi sesuatu yang bermakna. Good dan Brophy (dalam Noor et al. 1999) di dalam teori kognitif, pemindahan pembelajaran adalah bergantung terhadap pembelajaran aktif supaya ianya dapat digunakan kemudiannya. Good dan Brophy juga mengatakan teori kognitif sebagai proses pembelajaran yang berlaku sebagai perolehan pengetahuan dan ianya disusun semula melalui proses pemprosesan maklumat dan disimpan sebagai maklumat berguna.

Margel (1988) mengatakan terdapat beberapa konsep penting di dalam teori ini iaitu skema yang merupakan struktur pengetahuan dalaman di mana maklumat





yang baru diterima akan dibandingkan dengan struktur pengetahuan dalaman. Maklumat yang baru diterima akan dibandingkan dengan struktur kognitif iaitu skema yang sedia ada. Margel juga mengatakan bahawa, skema adalah maklumat yang boleh dibaiki dan digabungkan dengan maklumat yang baru. Maklumat yang diterima akan terlebih dahulu didaftarkan kepada pendaftar sensor yang kemudiannya akan dipindahkan ke dalam tempat penyimpanan jangka pendek dan seterusnya dipindahkan ke ingatan jangka panjang. Secara ringkasnya, teori ini adalah berasaskan kepada penerimaan, pemprosesan dan penyimpanan maklumat untuk jangka masa yang panjang. Tahap pengetahuan guru dapat dimaksimumkan dengan keinginan guru untuk menambahkan pengetahuan yang sedia ada.



1.8.1.3 Teori Tingkah Laku (Behaviourisme)

Persekitaran sekeliling seseorang individu dipenuhi dengan pengukuhan yang positif dan negatif lalu membentuk tingkah laku. Manakala persekitaran sekolah mengawal seseorang individu sama ada berjaya atau tidak. Oleh yang demikian pengukuhan-pengukuhan ini akan membentuk tingkah laku individu sepanjang hayatnya. Skinner (1984) mengatakan bahawa corak tingkah laku yang membezakan seseorang individu dengan individu yang lain terhasil dari pengalaman hidup seseorang.

Tingkah laku yang dikawal dan ditentukan oleh persekitaran adalah dikenali sebagai tingkah laku operan. Ia juga boleh ditafsirkan sebagai tingkah laku yang ditentukan oleh kehendak seseorang individu. Ahli psikologi menekankan tingkah






laku operan sebagai sukarela tetapi masih dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran khususnya akibat sejenis tingkah laku. Pengukuhan atau penghargaan adalah merupakan hasil dari satu rangsangan tingkah laku. Hukuman pula akan mengurangkan kadar tingkah laku. Tingkah laku yang disebabkan oleh pengukuhan atau hukuman adalah berbeza dari seorang individu dengan individu yang lain.

1.8.2 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual kajian terdiri daripada dua pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar.

Faktor demografi iaitu umur, pengalaman sebagai guru disiplin dan menghadiri kursus merupakan pembolehubah tidak bersandar dan sikap, pengetahuan dan kemahiran adalah pembolehubah bersandar.





Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian Hubungan Sikap, Pengetahuan dan Kemahiran guru Disiplin terhadap Beberapa Faktor Demografi. Adaptasi daripada Model Kompetensi oleh Malek Shah dan Liew Swee Liang 2002 dan Model Penghasilan Kerja Berkesan, Boyatzis 1983.

Kajian ini dijalankan untuk memberi gambaran tentang sejauh manakah kecekapan guru-guru disiplin di sekolah-sekolah rendah Jenis Kebangsaan Cina daerah Sentul di dalam pengurusan disiplin. Oleh itu kajian ini penting bagi membantu guru disiplin untuk menilai kecekapan pengurusan disiplin mereka melalui beberapa faktor demografi yang terpilih dan disesuaikan pada diri mereka sebagai satu rujukan. Melalui cara ini diharapkan terdapat kesedaran dan peningkatan dari segi pengurusan disiplin dan seterusnya di dalam pencapaian sekolah.

Kepentingan seterusnya, dapat membantu institusi pendidikan tinggi dan institusi perguruan dalam merangka kurikulum pengurusan agar dapat memenuhi kehendak pendidikan sesuai dengan arus perubahan masa kini khususnya dalam bidang pengurusan disiplin sekolah. Selain itu, kajian ini memperlihatkan kekuatan



dan kekurangan pengurusan disiplin guru-guru disiplin di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina sebagai kayu pengukur di dalam pengurusan disiplin sekolah. Secara tidak langsung kajian ini dapat digunapakai oleh guru-guru disiplin di Sekolah Kebangsaan khususnya bagi mebaiki dan meningkatkan kualiti pengurusan disiplin di dalam konteks sekolah mereka sendiri.

Kepentingan yang seterusnya ialah dapat membantu pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian dan Pejabat Pendidikan Daerah dalam merangka dan mengendalikan kursus pengurusan disiplin (kursus dalam perkhidmatan) kepada guru-guru bagi menerapkan dan membina sikap, pengetahuan dan keahiran guru disiplin yang lebih berkesan bagi meningkatkan kualiti dan prestasi kecemerlangan organisasi terutamanya di dalam pengurusan disiplin pelajar.



1.10 Skop Dan Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan melibatkan guru-guru disiplin di sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Zon Sentul, Kuala Lumpur. Kajian ini terhad kepada barisan pentadbir sekolah, guru-guru disiplin dan guru di dalam jawatankuasa disiplin.

Kajian ini meliputi aspek hubungan sikap, pengetahuan dan kemahiran terhadap faktor-faktor demografi guru terdiri daripada aspek umur, pengalaman mengajar dan menghadiri kursus. Populasi kajian terdiri daripada 625 orang. Sampel kajian ialah 241 orang.



Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan dapatan adalah berdasarkan persepsi, keikhlasan, kesediaan serta keupayaan responden menggunakan pengetahuan serta pengalaman mereka bagi memahami soalan-soalan yang dikemukakan disamping dapat menyesuaikan dengan persoalan yang hendak dikaji. Kemungkinan responden dipengaruhi oleh unsur-unsur tertentu seperti pemikiran, keperluan, tujuan tertentu serta persekitaran adalah tidak dinafikan. Oleh sedemikian, dapatan kajian merupakan pandangan atau persepsi responden terhadap sikap, pengetahuan dan kemahiran mereka di dalam pengurusan disiplin sekolah.

1.11 Definisi Operasional

Penerangan secara terperinci definisi istilah yang digunakan kerana ia mempunyai makna yang khusus. Definisi yang diberikan dalam kajian ini mungkin tidak serupa dengan definisi yang diberikan dalam kajian yang lepas.

1.11.1 Pengurusan Disiplin

Terma ini merujuk kepada tugas guru-guru disiplin dalam melaksanakan tugas merancang bersama-sama, mengelola, mengarah, mengawal sumber-sumber dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan keberkesanan dan prestasi disiplin secara menyeluruh . oleh yang demikian faktor-faktor penting yang diperlukan adalah merancang, mengelola, mengarah dan mengawal input dengan cekap dan berkesan.



Pengkaji berpendapat, sesuatu keputusan atau tindakan yang diambil berasaskan nilai budi bicara juga adalah merupakan satu keputusan yang baik, ini membuktikan bahawa sistem pengurusan disiplin sekolah itu adalah baik, adil dan saksama. perkara ini ada digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 18/1988, di mana guru-guru disiplin diarahkan untuk mengambil kira aspek budi bicara ketika mengenakan tindakan.

1.11.2 Disiplin

Di dalam kajian ini, disiplin membawa maksud latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh pada tatertib yakni arahan lisan dari guru-guru ataupun peraturan-peraturan bertulis yang digariskan oleh buku disiplin sekolah. Disiplin juga boleh ditakrifkan sebagai tingkah laku pelajar sama ada dalam bentuk dalaman (emosi) atau luaran (fizikal) yang memberi kesan pada individu lain. Di dalam konteks pendidikan di Malaysia, maksud disiplin adalah berdasarkan laporan jawatankuasa kabinet yang mengkaji pelaksanaan pelajaran (Kementerian Pelajaran Malaysia 1981), iaitu:

'Kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari luar, mahupun yang dimiliki melalui kerelaan diri sendiri...kesanggupan seseorang itu bekerja dan membuat sesuatu dengan tertib, kesanggupan menghormati satu sama lain, mempunyai semangat tolong menolong





serta sanggup membaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang mebina, serta sanggup berkhidmat pada masyarakat’.

1.11.3 Kecekapan

Di dalam konteks kajian ini, definisi kecekapan membawa maksud kebolehan dan kemampuan seseorang guru disiplin menyelesaikan kerja pengurusan berkaitan salah laku murid, menyelesaikan kes salah laku murid dengan cara yang betul mengikut prosedur yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia yang ditentukan oleh sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin itu sendiri.



1.11.4 Sikap

Di dalam konteks kajian ini, sikap membawa maksud tingkah laku individu terhadap sesuatu perkara, seperti tidak ambil peduli, sambil lewa, prejudis, diskriminasi, suka atau tidak suka, cuai, malas dan sebagainya. Menurut Jones dan Jennifer (2003), sikap merupakan satu koleksi himpunan perasaan dan kepercayaan. Philip Zimbardo (dalam Abdullah Hassan dan Ainon Mohd 1997) berpendapat sikap sebagai satu tidak balas sesudah melakukan penilaian atau tindakan seseorang terhadap sesuatu perkara.





1.11.5 Pengetahuan

Pengetahuan dalam pengurusan disiplin di dalam kajian ini membawa maksud pemahaman mengenai prinsip, konsep, falsafah, prosedur, tindakan, hukuman, peranan moral dan program pemantapan disiplin.

1.11.6 Kemahiran

Kemahiran di dalam kajian ini membawa maksud, kemampuan guru disiplin dalam menggunakan segala maklumat dan pengetahuan yang berkait dengan pengurusan disiplin.



1.11.7 Guru Disiplin

Dalam konteks kajian ini, guru disiplin membawa maksud guru yang dilantik oleh barisan pentadbiran sekolah bagi menguruskan hal-hal berkaitan salah laku murid, membuat keputusan terhadap sesebuah kes salah laku dan mempunyai kuasa menjatuhkan hukuman dan melaksanakan hukuman. Barisan pentadbir dan guru jawatankuasa disiplin juga termasuk sebagai guru disiplin di dalam konteks kajian ini sahaja.





1.11.8 Guru Jawatankuasa Disiplin.

Dalam konteks kajian ini, guru jawatankuasa disiplin membawa maksud ahli jawatankuasa disiplin yang terdiri dari kalangan guru-guru. Guru-guru yang menjadi jawatankuasa disiplin biasanya dari kalangan guru yang pernah memegang jawatan sebagai guru disiplin pada tahun-tahun sebelumnya dan mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kuasa yang sama dalam membuat keputusan di dalam sesebuah kes salah laku. Walau bagaimanapun guru jawatankuasa disiplin tidak mempunyai kuasa melaksanakan hukuman rotan terhadap murid.

1.11.9 Salah Laku



Definisi salah laku di dalam kajian ini adalah hasil tindak balas atau tingkah laku murid terhadap sesuatu perkara, satu tindakan negatif yang tidak mengikut norma-norma sosial masyarakat yang telah ditetapkan. Salah laku juga didefinisikan sebagai melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peraturan. Dalam erti kata lain, salah laku merupakan tingkah laku murid yang melanggar peraturan yang ditetapkan oleh sekolah. Salah laku juga dirujuk sebagai masalah disiplin murid dan kegagalan murid bagi membentuk disiplin yang bersesuaian dan bertepatan dengan peraturan sekolah. (Amir Hassan Dawi 2002).



**1.11.10****Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina**

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) merupakan lanjutan sekolah vernakular berasaskan kaum di Malaysia. Asalnya sekolah-sekolah ini dibiayai oleh masyarakat cina, namun kini sekolah jenis ini dibiayai sebahagiannya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan dikira sebagai sekolah bantuan kerajaan. Kurikulum sekolah jenis ini adalah sama sebagaimana Sekolah Kebangsaan dan yang berbeza adalah bahasa pengantar. Di dalam konteks kajian ini, SRJKC adalah merujuk kepada sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang terdapat di daerah Sentul.

**1.12 Rumusan**

Di dalam ini, pengkaji memberi penerangan mengenai latar belakang kajian, masalah kajian, objektif kajian dan juga kepentingan kajian. Kajian ini bertujuan untuk meneliti adakah sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin memainkan peranan penting terhadap kecekapan mereka menjalankan tugas. Umum mengetahui guru disiplin memainkan peranan yang besar di sekolah di mana mereka merupakan kelompok yang mempunyai peranan di dalam menentukan keberkesanan organisasi sekolah. Komitmen guru disiplin memainkan peranan dalam mengawal dan membentuk disiplin murid.





Sehubungan dengan itu, penglibatan guru disiplin dapat memperbaiki sikap dan tingkah laku murid melalui pandangan, teguran dan nasihat yang boleh dijadikan panduan kepada semua murid. Pengetahuan guru disiplin dalam pengurusan disiplin seterusnya dapat memperkasakan disiplin di sekolah.

